
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**PPK 311- PENDEKATAN PENGAJARAN PELAJAR
BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan semuanya. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

1. Vygotsky (1978) mendefinisikan kaedah pengajaran ini sebagai "satu sokongan untuk membantu perkembangan pelajar serta menyediakan struktur sokongan untuk membantu pelajar melangkah ke peringkat seterusnya"
 - (a) Huraikan definisi pengajaran tersebut
(5 markah)
 - (b) Nyatakan kaedah pengajaran yang dimaksudkan serta senaraikan ciri-ciri kaedah pengajaran tersebut.
(10 markah)
 - (c) Huraikan dengan jelas mengenai zon perkembangan proksimal (ZPD).
(10 markah)
2. Terdapat **EMPAT (4)** strategi penting dalam kaedah pengajaran eksplisit iaitu *setting*, *telling*, *modeling* dan *guiding*. Berdasarkan keempat-empat strategi itu, guru dikatakan mampu untuk mencapai objektif pengajaran dengan lebih berkesan jika dilaksanakan mengikut kesesuaian dan kebolehan pelajar.
 - (a) Huraikan definisi pengajaran eksplisit.
(5 markah)
 - (b) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan *setting*, *telling*, *modeling* dan *guiding*.
(10 markah)
 - (c) Nyatakan kekuatan dan kelemahan pengajaran eksplisit.
(10 markah)

3. Pembelajaran ini menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada penguasaan pelajar dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pembelajaran ini pelajar diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri. Pelajar perlu menguasai 80%-90% aras yang ditetapkan sebelum guru berpindah ke unit pembelajaran yang lain.
 - (a) Apakah kaedah pembelajaran yang dimaksudkan? Huraikan definisi pembelajaran tersebut. (5 markah)
 - (b) Terangkan dengan jelas mengenai tujuan pembelajaran tersebut. (10 markah)
 - (c) Nyatakan **EMPAT (4)** prinsip asas dalam pembelajaran tersebut. (10 markah)
4. *Mnemonic* ialah satu sistem yang membantu dalam memudahkan ingatan seseorang dengan cara mengorganisasikan item yang diingat secara terasing ke dalam pola yang bercantum bersama-sama. Kaedah ini sering digunakan untuk membantu proses ingatan pelajar yang mempunyai masalah pemprosesan psikologikal dan pemprosesan maklumat.
 - (a) Huraikan definisi pengajaran teknik *mnemonic*. (5 markah)
 - (b) Nyatakan **LIMA (5)** faktor yang mempengaruhi ingatan seseorang individu. (10 markah)
 - (c) Nyatakan **LIMA (5)** jenis pengajaran *mnemonic*. (10 markah)

5. Kaedah pengajaran terus telah diasaskan oleh Siegfried Engelmann pada tahun 1960. Kaedah ini menekankan kepentingan objektif pembelajaran dan langkah-langkah pengajaran yang jelas bagi membolehkan guru mencapai objektif yang ditentukan. Berdasarkan kaedah pengajaran ini, hurai dan berikan contoh yang sesuai bagi ciri-ciri berikut:-
- (a) Langkah pengajaran secara berterusan dan diajar secara turutan menaik. (7 markah)
- (b) Setiap pelajaran diajar secara eksplisit. (6 markah)
- (c) Memberi pujian terhadap jawapan yang betul. (6 markah)
- (d) Membetulkan setiap kesalahan pelajar dengan segera. (6 markah)
6. Intervensi bacaan merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak bagi mengurangkan kesan ketidakupayaan serta membantu meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Berdasarkan pernyataan ini:-
- (a) Senaraikan **LIMA (5)** kemahiran yang perlu dimiliki oleh kanak-kanak sebelum belajar membaca. (5 markah)
- (b) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehan membaca kanak-kanak bermasalah pembelajaran. (10 markah)
- (c) Huraikan **LIMA (5)** langkah intervensi dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak berkeperluan khas. (10 markah)